

B601a--
MAHATHIR

1981

KUALA LUMPUR, 21 FEB. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA HANYA BOLEH DIANGGAP MERDEKA SEPENUHNYA APABILA IA SANGGUP MENGELUARKAN APA SAHAJA BARANGAN YANG DIHASILKAN OLEH NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN.

KATANYA, MALAYSIA MEMPUYAI MASA DEPAN YANG CERAH KE ARAH ITU KERANA IA AKAN MEMPUYAI LEBIH BANYAK KILANG BESI, PETROKIMIA DAN LAIN-LAIN PERUSAHAAN BERAT DI MASA AKAN DATANG.

PEMANGKU PERDANA MENTERI MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN KONVENSYEN-MUKTAMAR AGUNG PERSATUAN SISWAZAH INSTITUT TEKNOLOGI MARA (SISTEM) DI SINI PETANG INI.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU JALAH Pengerusi Majlis Pentadbir ITM, DATUK MANSOR OTHMAN DAN PENGARAH ITM, PROF. NIK RASHID MAJID.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGUSAHA-PENGUSAHA ASING DI DUNIA MENGANGGAP MALAYSIA SEBAGAI MEMPUYAI MASA DEPAN YANG CERAH DI BIDANG PERINDUSTRIAN DAN PERNIAGAAN. — BERSAMBUNG
1922/A1

B602:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

56

KATANYA, MEREKA MENDAPATI PERNIAGAAN DAPAT DIJALANKAN DENGAN LECIN DI NEGARA INI DAN DI NEGARA-NEGARA ASEAN YANG LAIN.

OLEH ITU, BELIAU BERHARAP PARA PEKERJA MAHIR DAN SEPARUH MAHIR DI NEGARA INI SANGGUP MEMBUAT APA JUA JENIS PEKERJAAN DI BIDANG PERINDUSTRIAN BERAT YANG AKAN DIMUJUDKAN KELAK.

KERAJAAN, KATANYA, SANGGUP MEMBERI LATIHAN DAN GALAKAN SERTA CAJAJ YANG BERPATUTAN DALAM INDUSTRI-INDUSTRI BERAT ASALKAN PEKERJA-PEKERJA BUMIPUTERA SANGGUP BEKERJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN BAHAWA PENGUSAHA BUMIPUTERA MEMPUNYAI KEBOLEHAN DI BIDANG PERINDUSTRIAN SEPERTI JUGA KAUM LAIN DI NEGARA INI.

MEMURUTNYA, PENJAGA-PENJAGA DAN PENGUSAHA-PENGUSAHA BUMIPUTERA YANG BERJAYA ADALAH LEBIH RAMAI DARI YANG GAGAL.

KATANYA, MEREKA INI BIASANYA MENDAPAT KEJAYAAN DI ATAS USAHA DAN TITIK-PELUH SENDIRI TETAPI TIDAK MAHU MENGHEBOH-HEBOHKAN KEJAYAAN MEREKA DI AKHBAR SEPERTI YANG BERLAKU KEPADA MEREKA YANG GAGAL. — BERSAMBUNG 1925/A1

B603:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA ADA DI KALANGAN PENGUSAHA-PENGUSAHA YANG MAJU ITU, +DIKEJAR+ OLEH SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA UNTUK MENJADI AGEN MEREKA DI NEGARA INI.

ADA SETENGAHNYA PULA MENJADI +COMPANY DOCTOR+ YANG MANA MEREKA MEMBELI SYARIKAT-SYARIKAT LAIN YANG HAMPIR JATUH DAN DAPAT MEMULIH DAN MEMAJUKANNYA SEMULA.

SEBALIKNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGUSAHA-PENGUSAHA BUMIPUTERA YANG GAGAL BIASANYA MENDAPAT BANTUAN DARIPADA KERAJAAN DAN MENYALAHKAN KERAJAAN DI ATAS KEGAGALAN ITU MENERUSI AKHBAR.

DATUK MANSOR DALAM UCAPANNYA MENYERU SISWAZAH-SISWAZAH ITM YANG TELAH BERJAYA SUPAYA MENGHUBUNGI ITM UNTUK MENGETAHUI PERKEMBANGAN MEREKA DAN JUGA BAGI MEMBOLEHKAN ITM MERANCANG KARIKULUM DI MASA DEPAN. — BERSAMBUNG 1928/A1

B604:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BANGGA KERANA SEHINGGA INI 14,000 SISWAZAH ITM TELAH MENDAPAT BERBAGAI PEKERJAAN DI BERBAGAI BIDANG PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN DAN RAMAI JUGA YANG BERNIAGA SENDIRI DENGAN JAYANYA.

PRESIDEN SISTEM, ENCIK IBRAHIM ALI, YAKIN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN ADALAH MENJADI TUNJANG KEPADA EKONOMI BUMIPUTERA.

BELIAU BERHARAP BUMIPUTERA MENELITI DAN Mencari JALAN MENGUBAH HIDUP MEREKA DAN MENGHAPUSKAN SIKAP MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI. — BERNAMA 1830/A1